

## Bunyi Hentian yang Dipraglotalisasi dalam Bahasa Bunun

PAUL LI JEN KUEI

Ada lima dialek utama dalam bahasa Bunun: Takituduh, Takibakha, Takbanuað, Takivatan dan Ishbukun<sup>1</sup>. Dialek Takituduh dan Takibakha dituturkan di bahagian utara; dialek Takbanuað dan Takivatan di bahagian tengah, manakala dialek Ishbukun di bahagian selatan dan tengah di pulau Taiwan. Dua dialek di bahagian utara itu berbeza dengan dialek lain kerana menyaksikan retensi dua bunyi yang berkontras daripada segi fonemik, iaitu afrikat alveopalatal /c/ dan frikatif /s/; manakala dialek di bahagian selatan pula memperlihatkan perbezaan dengan inovasi /q/ > /ç/ dan /h/ > /ʔ/.<sup>2</sup>

Dialek- dialek Bunun itu mempunyai dua bunyi hentian bersuara yang dipraglotalisasikan, iaitu “ʔb” dan dental “ʔd” (bukan [ʔg]). Penghasilan bunyi hentian yang dipraglotalisasikan itu memerlukan penutupan dua titik artikulasi yang hampir selari, iaitu bunyi glotal disertakan penutupan bunyi supraglotal yang lain. Selain itu, pita suara hendaklah bergetar sejeurus selepas penutupan glotal. Dua titik artikulasi, iaitu glotal dan velar, itu kelihatan berdekatan antara satu sama lain secara fisiologi. Fenomena ini mungkin boleh menjelaskan sebab kita hanya menemui ciri “ʔb” dan “ʔd”, tetapi bukan “ʔg” dalam bahasa Bunun. Sesungguhnya, ciri ini bukan sahaja dijumpai dalam bahasa sekerabat, iaitu bahasa Tsou dan Thao (kedua-duanya bahasa Formosa), tetapi juga dalam bahasa yang tidak bertalian (dengan bahasa Formosa) di Asia Tenggara, misalnya bahasa Kemboja, bahasa Vietnam, bahasa Li (bahasa Kadai di Pulau Hainan) dan dialek Min Selatan di Pulau Hainan.

Secara fonetik, dalam bahasa Bunun, bunyi hentian yang mengalami praglotalisasian itu amat terlonjong di posisi antara vokal. Misalnya, “liʔbus” (hutan), “maʔduq” (gandum), tetapi bunyi tersebut agak lemah di posisi lain. Misalnya, “ʔbanuað” (buah plum), “ʔdakus” (kapur barus, pohon laurel). Ini adalah antara sebab mengapa sesetengah pengkaji, termasuk Jeng (1977), dalam kajian mereka hanya menandakan bunyi hentian glotal yang terdapat di posisi antara vokal. Misalnya untuk kata “baʔbuʔ” (babi), dan “siʔdiʔ” (kambing biri-biri). Ciri-ciri ini, yang wujud pada posisi awal kata atau pasca-konsonantal itu sebaliknya tidak ditandakan. Misalnya, “bunbun” (pisang) dan “disdis” (hujan gerimis). Demikian juga didapati dalam penyebutan, bunyi “ʔb” itu lebih menonjol (ditekankan penuturnya) jika dibandingkan dengan “ʔd”. Sehubungan itu, mungkin ini adalah sebab penandaan biasa dibuat pada bunyi “ʔb” dan jarang pada bunyi “ʔd”. Secara fonemik kedua-dua bunyi hentian yang dipraglotalisasikan ini akan digambarkan sebagai /b/ dan /d/ nanti.

Pada akhir suku kata atau akhir kata, sesetengah leksikal dalam dialek Ishbukun mengekalkan bunyi-bunyi ini. Misalnya, “çatub” (jerat), “masubnuç”

(marah), dan “ $\chi$ ud” (minum). Dalam dialek-dialek Bunun yang lain, bunyi hentian akhir ini, iaitu /-b, -d/ bertukar menjadi bunyi hentian glotal /ʔ/ (atau kadang-kadang dihilangkan, terutamanya dalam penyebutan golongan remaja). Misalnya, /qatuʔ/, /masuʔnuq/, dan /quʔ/.

Dari segi linguistik sejarawi, /b/ yang terdapat dalam bahasa Bunun itu berasal dari PAN \*b, dan /d/ berasal dari PAN \*d, \*D, \*d' atau \*Z. Jadi, nampaknya /-d/ (pada akhir kata) telah menjelma kepada /ʔ/ dalam dialek Ishbukun:<sup>3</sup>

1. PHN \*CuqeD > tu $\chi$ uʔ ‘tunggul’; cf. Pai tjuqez, Tag tuqod *id*
2. PFN \*qeLuD >  $\chi$ auʔ ‘tiang’, cf. Seediq ʔeruc *id*.
3. PHN \*Sa(n)teD > ma-satuʔ ‘menemani, mengiringi’, cf. Melayu (h) antar
4. PAN \*likuD > ʔikuʔ ‘belakang’
5. PAN \*qan'UD > mu $\eta$ - $\chi$ anuʔ ‘hanyut, terapung’
6. PAN \*paNiD > paniʔ ‘sayap’
7. PAN \*NataD > nataʔ ‘di luar’

Bunyi /-b/ di akhir kata itu dikekalkan daripada bunyi Proto-Austronesia, Proto-Hesperonesia dan Proto-Bunun. Gejala ini berlaku terutamanya dalam pertuturan orang yang berusia. Misalnya:

1. PB \*kit $\eta$ ab > kit $\eta$ ab ‘memulakan’
2. PB \*laqaib > la $\chi$ aib ‘lalu sesuatu’
3. PHN \*qaCeb >  $\chi$ atub ‘menjerat’
4. PAN \*Suab > si-su-suab ‘menguap’
5. PB \*subnuq > subnu $\chi$  ‘marah’
6. PB \*ʔabnum > ʔabnum ‘enam’ (orang)
7. PB \* $\eta$ ab $\eta$ ab >  $\eta$ ab $\eta$ ab ‘cenuram’
8. PHN \*qaLeb >  $\chi$ ab ‘lutut’; cf. Magindanaw alib *id*.
9. PB \*mab $\delta$ aq > mab $\delta$ a $\chi$  ‘hujan ribut’
10. PB \*cunab > m-in-sunab ‘membakar hutan’

Namun demikian, dalam pertuturan orang muda, /-b/ yang dinyahsuarkan itu menjadi /-p/, /-f/ atau /-t/. Bunyi /-d/ pula dinyahsuarkan menjadi /-t/ (Li 1986).

Dalam dialek-dialek Bunun, /b/ dan /d/ yang dikenalpasti itu berubah menjadi /ʔ/ di posisi akhir kata itu dengan bunyi ini lazimnya dikekalkan di posisi tengah kata. Dalam kata lain, terdapat berlakunya alternasi morf fonemik, iaitu b ~ ʔ dan d ~ ʔ. Jika /b/ dan /d/ tidak dikekalkan dalam posisi tengah kata, ia akan digantikan /ʔ/ (Sepuluh contoh di atas diilustrasikan dalam susunan yang sama seperti yang berikut):

(A) b ~ ʔ (atau  $\emptyset$ ) atau tiada Alternasi

1. ‘memulakan’  
Takituduh /kit $\eta$ aʔ, kit $\eta$ ab-a, kit $\eta$ ab-in/<sup>4</sup>

- |           |   |
|-----------|---|
| Takibakha | /kitɲaʔ, kitɲab-a, kitɲab-in, kitɲaʔ-in, na kitɲaʔ-in/ <sup>5</sup> |
| Takbanuað | /kitɲa, kitɲab-in, kitɲaʔ-in, kitɲaʔ-an/                            |
| Takivatan | /kitɲaʔ, kitɲab-in, kitɲaʔ-in/                                      |
2. ‘melalui sesuatu’
- |           |  |
|-----------|--|
| Takibakha | /laqaiʔ/, laqaib-a, laqaiʔ-in/               |
| Takbanuað | /ʔiŋqai, laqaib-an, ʔiŋqaiʔ-in/              |
| Takivatan | /ʔaŋqaiʔ, ʔaŋqaib-a, ʔaŋqaib-an, ʔaŋqaiʔ-in/ |
3. ‘menjerat’
- |           |                                       |
|-----------|---------------------------------------|
| Takibakha | /qatuʔ/, pal-qatuʔ-an-in/             |
| Takbanuað | /qatuʔ, pal-qatuʔ-i, mal-qatuʔ-in/    |
| Takivatan | /mal-qatuʔ, mal-qatuʔ-a, mal-qatuʔ-in |
4. ‘menguap’
- |           |  |
|-----------|--|
| Takibakha | /su-suaʔ, su-suaʔ-in, s-in-u-su-suaʔ-in/ |
| Takbanuað | /si-su-sua, s-in-u-suaʔ-in/              |
| Takivatan | /su-suaʔ, su-suaʔ-in/                    |
5. ‘marah’
- |                      |             |
|----------------------|-------------|
| Takituduh, Takibakha | /ma-cuʔnuq/ |
| Takbanuað, Takivatan | /ma-suʔnuq/ |
6. ‘enam’
- |                                 |                             |
|---------------------------------|-----------------------------|
| Takituduh, Takibakha, Takivatan | /(ʔa-)ʔaʔ-num/ <sup>6</sup> |
|---------------------------------|-----------------------------|
7. ‘cenuram’
- |                      |          |
|----------------------|----------|
| Takituduh, Takivatan | /ŋaʔŋaʔ/ |
|----------------------|----------|
8. ‘lutut’
- |                                 |       |
|---------------------------------|-------|
| Takituduh, Takibakha, Takivatan | /qaʔ/ |
| Takbanuað                       | /qa/  |
9. ‘hujan ribut’
- |                      |                  |
|----------------------|------------------|
| Takibakha, Takivatan | /maʔðaq, suʔðaq/ |
|----------------------|------------------|
10. ‘membakar hutan’
- |           |  |
|-----------|--|
| Takibakha | /mis-cunaʔ, pis-cunad-i, pis-cunad-un, mis-cunaʔ-in/       |
| Takivatan | /m-in-sunaʔ, p-in-sunab-a, p-in-sunaʔ-i, p-in-sunaʔ-un-in/ |

Perubahan bunyi itu didapati tidak malar kesemuanya. Dalam sesetengah item leksikal yang diilustrasikan di atas, /b/ dikekalkan di posisi tengah kata

dalam sesetengah dialek, tetapi tidak pada dialek lain. Misalnya, *memulakan* (No. 1), *melalui sesuatu* (No. 2). Tambahan lagi, dalam bentuk pengimbuhan, sesetengah /-b/ dikekalkan walaupun ianya item yang sama dalam dua dialek yang sama. Misalnya, /b/ dikekalkan dalam kata kerja /kitʃab-in/ ‘memulakan!’ tetapi digugurkan dalam bentuk kala lampau, iaitu /kitʃaʔ-in/ ‘ianya telah bermula’ (No. 1) (untuk dialek Takibakha dan Takivatan). Terdapat kes yang menarik, iaitu /-b-/ digantikan dengan /-d-/ (bukannya digantikan dengan /-ʔ-/) dalam Takibakha. Misalnya, ‘membakar hutan’ dalam No. 10. Perubahan /b/ > /ʔ/ adalah sempurna di posisi tengah dan akhir kata untuk item *menjerat* (No.3) dan *menguap* (No.4) dalam semua dialek, kecuali dialek Ishbukun. Sebagai rumusan umum, kesemua item No. 3 - 9 telah mengalami perubahan yang sama, iaitu /b/ > /ʔ/ di posisi akhir suku kata. Pendek kata, data di atas menandakan perubahan bunyi yang berbeza-beza.

## (B) d ~ ʔ

1. \*tuRad ‘menyokong sesebuah rumah’
 

Takituduh	/ma-tulaʔ, tulad-in/
Takibakha	/ma-tulaʔ, tulad-i, tulad-an-in/
Takivatan	/ma-tulaʔ, tulad-i, tulad-an-in/
  
2. PB \*cukud ‘menutup (pintu)’
 

Takituduh	/ma-cukuʔ, cukud-i, cukud-an-in, c-in-ukud-an/
Takibakha	/ma-sukuʔ, kud-i, kud-an, kud-an-in/
Takivatan	/ma-sukuʔ, sukud-i, sukud-an-in/
  
3. PB \*qud ‘minum’
 

Takituduh	/quʔ, qud-i, qud-a, qud-an-in/
Takibakha	/quʔ, qud-i, qud-a, qud-an-in, q-in-uʔ-in/
Takivatan	/quʔ, qud-a, qud-an-in, q-in-uʔ-in/
  
4. PB \*masmud ‘menelan’
 

Takibakha	/pasmuʔ, pasmud-i, pasmud-a, pasmud-un/
Takivatan	/masmuʔ, pasmud-i, pasmud-a, pasmud-un-in/
  
5. PHN \*suRekuD > PB \*culkud ‘ melekat’
 

Takibakha	/culkuʔ, culkud-i, culkud-an /
Takivatan	/silkuʔ, ma-silkuʔ, ma-silkud-a, ku-silkuʔ-in/
  
6. PHN \*tuqeD ‘ranting kayu’
 

Takituduh	/tuquʔ, ma-tuqud-i, ma-tuqud-an/
Takivatan	/tukuʔ, mas-tuquʔ-in/

Contoh-contoh di bawah ini pula tidak menunjukkan alternasi:

7. PB \*muslud ‘berganjak’
 

Takbanuað	/musluʔ-a/
Takivatan	/musluʔ, luskuʔ-i, (Catatan: Metasis antara /l/ dan /k/)
Ishbukun	/muslud, muslud-in/
  
8. \*likuD ‘belakang’
 

Takituduh	/mis-hikuʔ-a, mis-hikuʔ-in/ ‘mengimbas kembali’
-----------	---
  
9. \*Sated ‘menemani’
 

Takituduh	/ma-satuʔ, satuʔ-i, satuʔ-in/
Takibakha	/ma-satuʔ, satuʔ-i, satuʔ-un-in/
Takbanuað	/ma-satuʔ, mi-satuʔ-in/
Takivatan	/ma-satuʔ, satuʔ-i, satuʔ-un-in/
Ishbukun	/ma-satuʔ, satu-a, <sup>7</sup> satuʔ-un-in/
  
10. \*qan’un ‘hanyut’
 

Takituduh	/muŋ-qanuʔ, puŋ-qanuʔ-a, puŋ-qanuʔ-i/
Takibakha	/muŋ-qanuʔ, puŋ-qanuʔ-in/
Takbanuað	/muŋ-qanuʔ, paŋ-qanuʔ-i, maŋ-qanuʔ-in/
Ishbukun	/muŋ-χanuʔ, muŋ-χanuʔ-in/
  
11. \*NataD ‘halaman rumah’
 

Takituduh	/nataʔ, mu-nataʔ-a, mu-nataʔ-in/
Takivatan	/nataʔ, mu-nataʔ-a, nataʔ-in/

Sebelas item leksikal di atas itu telah disusun mengikut hiraki peningkatan dalam jumlah perubahannya. Adalah jelas bahawa /d/ dikekalkan di posisi tengah kata dalam semua dialek Bunun untuk item No. 1-6 (dialek Ishbukun tidak disenaraikan kerana /d/ adalah dikekalkan di posisi tengah dan akhir kata). Namun, /d/ telah berubah menjadi /ʔ/ di posisi tengah dan akhir kata untuk item No. 8-11 dalam kesemua dialek Bunun, termasuk Ishbukun. Item No. 7 menunjukkan /d/ dikekalkan di posisi tengah dan akhir kata dalam Ishbukun, sementara dalam dialek-dialek lain, /d/ berubah menjadi /ʔ/.

Seperti dalam perubahan /b/ > /ʔ/, perubahan /d/ > /ʔ/ juga berlaku pada sesetengah item leksikal dalam dialek Bunun. /b-, d-/ pada umumnya dikekalkan di posisi awal kata dalam semua dialek Bunun. Misalnya, /bananað/ (lelaki), /danum/ (air). Namun demikian, ia juga berubah menjadi /ʔ-/. Misalnya, /bitvaq/ ~ /ʔicvaq/ (kilat). Kata ini bukan sahaja berbeza mengikut dialek, tetapi juga berbeza mengikut peringkat umur penuturnya. Penutur Takituduh yang telah lanjut usianya di kampung Takiqatuʔ menyebutnya sebagai /bitqu/, manakala penutur muda menyebutnya sebagai /ʔicvaq/ (Li 1986). Untuk kata *burung hantu*, sebutan dalam dialek Takivatan dan Ishbukun masing-masing ialah /bitqu/ dan

/ʔityu/, *Sarung balut kaki* disebut /bulalaiʔ/ dalam dialek di bahagian utara dan bahagian tengah, manakala /ʔulalaiʔ/ dalam dialek di bahagian selatan. Beberapa kampung yang berdialek Takituduh pula menyaksikan /dicqu/ ~ /ʔicqu/ (telur kutu), kata untuk *telapak kaki* muncul dalam bentuk /dalapa/ dalam dialek-dialek di bahagian tengah dan selatan, manakala sebagai /ʔalapa/ dalam dialek di bahagian utara. *Pipi* dalam Takituduh dan Takibakha disebut /pidiŋ/, sementara dalam Takbanuað dan Ishbukun ialah /piʔiŋ/. Begitu juga dengan kata *mengeluh*. Kata ini dalam dialek Takituduh ialah /ʔaʔaliŋ/; manakala dalam dialek-dialek Bunun lain disebut /dadaliŋ/.

Dalam posisi pasca consonantal, terdapat beberapa kesepadanan yang tidak malar antara /d/ dan /ʔ/ dalam dialek Bunun, seperti dalam:<sup>8</sup>

	Takituduh	Takbanuað		
	Takibakha	Takivatan	Ishbukun	
1.	pitdia	pitʔia	pitʔiaʔ	‘memasak nasi’
2.	matdaq	matʔaq	matʔaɣ	‘mentah’
3.	maqacʔiv	maqasdiv	maɣasdiv	‘berbau kencing’
4.	{ pandaiʔan	{ panʔaian	pandian	‘sup’
5.	{ tinʔun	{ tinʔun	cindun	‘menenun, mengayam’

Contoh yang terakhir di atas menunjukkan /d/ dalam dialek Ishbukun itu mungkin adalah inovasi<sup>9</sup>, cf. PHN \*tineʔun. Perubahan bunyi itu mungkin berlaku daripada dua arah, iaitu d > ʔ dan ʔ > d (walaupun bukti untuk perubahan sedemikian amatlah kurang). Terdapat contoh yang serupa, iaitu penjelmaan /ʔabnum/ (enam) < \*ʔa-ʔenum < PAN \*ʔenem dalam dialek Ishbukun. Jadi, item ini dipengaruhi perubahan ʔ > b. Sesungguhnya, banyak data dalam makalah ini telah menunjukkan perubahan dari /b/ dan /d/ kepada /ʔ/, tetapi bukti yang menunjukkan perubahan dari arah bertentangan itu amatlah sedikit.

Sebagai rumusan, bunyi hentian yang dipraglotalisasikan dalam bahasa Bunun itu masih dalam perubahan. Perubahan /b/ > /ʔ/ dan /d/ > /ʔ/ paling banyak berlaku di posisi akhir suku kata atau akhir kata, kurang pada posisi tengah kata (misalnya, antara-vokal) dan paling sedikit di posisi awal kata. Item leksikal yang berbeza, bahkan kadang-kadang item leksikal yang sama, mempunyai kadar perubahan yang berbeza. Dalam dialek Ishbukun, perubahan /b/ > /ʔ/ di posisi akhir kata itu dikenalpasti dalam kadar yang lebih “perlahan” dari /d/ > /ʔ/.

Unsur-unsur kekecualian selalunya didapati dalam perubahan bahasa. Pelbagai hipotesis dapat dikemukakan untuk menjelaskannya. Salah satunya ialah Teori Penyebaran Leksikal yang diutarakan Willian Wang (1969). Dalam teori itu, beliau menjelaskan bahawa secara fonetik perubahan bunyi berlaku secara mendadak, tetapi secara leksikal, perubahan itu adalah secara beransur-ansur. Dua bunyi hentian yang dipraglotalisasikan dalam bahasa Bunun seperti yang dibincangkan dalam makalah ini kelihatan menepati teori ini.

## NOTA HUJUNG

- <sup>1</sup> Data dalam makalah ini dikumpul dengan sokongan dana dari National Science Council Grant NSC73-0301-H001-04, Republik China. Kajian lapangannya telah dilakukan pada Ogos 1983 dan Januari 1984. Penulis mendapat banyak manfaat daripada perbincangan dengan Shigeru Tsuchida.
- <sup>2</sup> Kesemua dialek Bunun, kecuali Ishbukun, mempunyai tiga vokal iaitu /i, u, a/. Konsonan yang ada itu ialah seperti berikut: bunyi letupan tak bersuara /p, t, k, q, ʔ/, bunyi hentian bersuara yang dipraglotalisasikan /b, d/, bunyi frikatif alveopalatal tak bersuara /s/ [š], bunyi frikatif glotal tak bersuara /h/, bunyi frikatif labio-dental bersuara /v/, bunyi frikatif antara-dental bersuara /ð/, bunyi lateral bersuara /l/, dan bunyi nasal bersuara /m, n, ŋ/. Tambahan lagi, kedua-dua dialek Takituduh dan Takibakha mempunyai bunyi afrikat alveo-palatal bersuara iaitu /c/ [tš], yang menyaksikan telah bergabung dengan /s/ dalam dialek-dialek lain. Dialek Ishbukun berkongsi kesemua konsonan dan vokal di atas, kecuali (1). Ia mempunyai bunyi frikatif uvular /X/ [χ] dan (2) ia cenderung menyahkan bunyi lateral dalam semua posisi dan frikatif bersuara pada posisi akhir suku kata, dan (3) ia tidak mempunyai frikatif glotal [h].
- <sup>3</sup> Singkatan untuk pelbagai tahap rekonstruksi adalah: PAN, Proto-Austronesian; PHN, Proto-Hesperonesian; PFN, Proto-Formosan; PB, Proto-Bunun. Tanda sengkang ‘-’ menandakan sempadan morfem dalam petikan yang berikutnya.
- <sup>4</sup> Secara kasar, sufiks -a, -i, atau -in menandakan “imperatif”; sufiks -in atau infix -in- menandakan “kompletif”; sufiks -an dan -un menandakan lokatif dan fokus referensial. Lihat Jeng (1977: 92-93) tentang fungsi gramatikal pelbagai afiks dalam bahasa Bunun.
- <sup>5</sup> Cf. Bentuk imperatif /kitjab-in/ dan bentuk kompletif /kitjaʔ-in/ dalam dialek Takibakha dan Takivatan.
- <sup>6</sup> Parenthesis ini menandakan opsionaliti reduplikasi suku kata pertama dalam kata dasar.
- <sup>7</sup> Berdasarkan data yang diambil dari informan yang berumur 30-an, tidak menemukan /ʔ/ pada posisi tengah kata dalam dialek Ishbukun.
- <sup>8</sup> Penulis berterima kasih kepada Tsuchida (komunikasi peribadi) kerana memperingatkan penulis tentang isu ini dan juga membekalkan data kepada penulis untuk digunakan sebagai contoh.
- <sup>9</sup> Seperti yang dinyatakan, Tsuchida (komunikasi peribadi), bentuk norminal /duun/ wujud dalam semua dialek Bunun dan bentuk derivatif verbal /kin-dun/ wujud dalam dialek di bahagian utara dan tengah manakala bentuk /ma-kin-dun/ ‘membuat tali’ wujud dalam dialek di bahagian selatan, iaitu Ishbukun. Bentuk /cindun/ yang wujud dalam dialek Ishbukun mungkin dijelmakan dari etimon ini, daripada dijelmakan dari \*tineʔun.

## RUJUKAN

- Dahl, Otto Chr. 1981. *Early Phonetic And Phonemic Changes in Austronesian*, Oslo: Institute for Comparative Research in Human Culture.
- Dempwolff, Otto. 1938. *Vergleichende Lautlehre des Austronesischen Wortschatzes*. 3. *Zeitschrift für Eingeborenen-Sprachen*, Beiheft 19. Berlin: Reimer.
- Dyen, Isidore. 1971. The Austronesian Languages and Proto-Austronesian. In Thomas A. Sebeok, ed. *Current Trends in Linguistics*, The Hague: Mouton. vol. 8: (*Linguistics in Oceania*, 5-54).

Jeng, Heng-hsiung. 1977. *Topic and Focus in Bunun*. Taipei: Institute of History and Philosophy, Academia Sinica. (*Special Publication no. 74*).

Li, Paul Jen-kuei. 1986. Linguistics Variations of Different Age Groups in Some Formosan Languages. In Paul Geraghty, Lois Carrington and S.A. Wurn, eds. *FOCAL II: Papers from the Fourth International Conference on Austronesian Linguistics*, 33-50. *PL C-94*.

Tsuchida, Shigeru. 1976. *Reconstruction of Proto-Tsouic Phonology*. Tokyo: Study of Languages and Cultures of Asia & Africa, (*Monograph Series 5*).

Wang, William S-Y. 1969. Competing changes as a cause of residue. *Language* 45.1:9-25.

(Sumber asal makalah ini berjudul The Preglottalised Stops in Bunun: 301-310, yang sudah diterbitkan dalam *Selected Papers on Formosan Languages*. Vol I. *Language and Linguistics*. Nankang: Academia Sinica (*Monograph Series No. C3*).

Penterjemah I: Chong Shin, Ph.D  
Felo Penyelidik Kanan  
Institut Alam & Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi

Emel: chongshin2002@yahoo.com

Penterjemah II: Remmy Anak Gedat, Sarjana Muda  
26-2B, Pusat Hentian Kajang,  
43600 Kajang.

Emel: carefreegurlz71@yahoo.com